

APLIKASI KAEDAH HEUTAGOGI DALAM PENDIDIKAN SIRAH

Ahmad Zahir Syahmi Sukeri * & Khadijah Abdul Razak
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
*p113041@siswa.ukm.edu.my **

ABSTRACT

The need for new teaching methods to address the issue of students' lack of interest in Sirah studies must be taken seriously. The use of the heutagogy approach, which can serve as an alternative to the current teacher-centered learning methods, needs to be highlighted. This paper aims to further discuss the heutagogy approach in Sirah education at schools. The application of the heutagogy method has the potential to change the phenomenon of students' lack of interest in Sirah subjects in schools. This literature review focuses on past studies that serve as the foundation for this research. The heutagogy method employed in Sirah learning has the capacity to revolutionize students' learning experiences in schools. It is hoped that this study will add value to the transformation of current learning styles.

Keywords: *Heutagogy, sirah, phenomena.*

ABSTRAK

Keperluan kepada kaedah pengajaran baru bagi mengatasi masalah pelajar yang kurang berminat dengan pembelajaran Sirah perlu diambil serius. Penggunaan kaedah heutagogi yang boleh berfungsi sebagai alternatif bagi menggantikan kaedah pembelajaran yang berpusat kepada guru masa kini perlu diketengahkan. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan secara lebih lanjut berkenaan pendekatan kaedah heutagogi dalam pendidikan sirah di sekolah. Kaedah heutagogi yang diaplikasi berpotensi mengubah fenomena kurang minat pelajar terhadap mata pelajaran sirah di sekolah. Kajian literatur ini memfokuskan kepada kajian-kajian lalu yang menjadi sumber kepada kajian ini. Kaedah heutagogi yang digunakan dalam pembelajaran sirah berkemampuan menjadi suatu perkara yang mengubah dunia pembelajaran pelajar di sekolah. Diharapkan kajian ini mampu menjadi nilai tambah dalam perubahan gaya pembelajaran pada masa kini.

Kata kunci: *Heutagogi, sirah, fenomena.*

PENDAHULUAN

Kemerosotan akhlak anak muda hari ini menjadi tanda tanya kenapakah perkara tersebut boleh berlaku. Perkara tersebut menunjukkan seolah-olah seperti tidak pernah diajar berkenaan dengan contoh teladan yang boleh dijadikan idola dalam menjalani kehidupan insan yang baik. Menurut kenyataan Muhammad Talhah Ajmain et al, (2024) Pendidikan Sirah merupakan satu solusi untuk mendapatkan hidayah dalam usaha memperbaiki akhlak masyarakat. Oleh sebab itu, Pendidikan Sirah merupakan satu sub bidang dalam Pendidikan Islam berkemampuan melahirkan rakyat Malaysia beretika dan berkualiti. Menurut Muhammad Fuad & Hafizhah (2022) pengajaran pendidikan Sirah di sekolah merangkumi kehidupan Rasulullah SAW semenjak dari baginda dilahirkan, sebelum dan selepas diutuskan menjadi Rasul SAW, perjuangan Nabi SAW menyebarkan Islam ke serata wilayah, hubungan Nabi SAW dengan Allah SWT, hubungan Nabi SAW dengan masyarakat dan ajaran yang dibawa oleh baginda SAW. Perkara ini juga dinyatakan oleh Rashidah Othman, & Shamsiah Arshad (2024) dalam kajiannya Pendidikan Sirah merangkumi perjalanan kehidupan Nabi Muhammad SAW di Madinah Munawwarah. Selain itu,

menurut Nur Adibah Liyana dan Hafizhah (2021) pengajaran Sirah di sekolah juga memiliki tujuan yang besar iaitu menggalakkan pelajar menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh.

Namun begitu, pengajaran Pendidikan Sirah di sekolah dilihat semakin tidak menarik minat pelajar untuk mempelajarinya. Menurut Rashidah Othman, & Shamsiah Arshad (2024) bagi menarik kembali minat pelajar mempelajari Sirah tidak lain dan tidak bukan memerlukan suatu inovasi yang mempunyai daya tarikan yang tinggi. Menurut Jahidin Saili & Muhammad Suhaimi Taat (2024) dalam kajiannya, pelajar yang tidak meminati mata pelajaran Sirah kerana menganggap mata pelajaran ini sudah tidak relevan, tidak praktikal dan sangat membosankan. Kaedah penghafalan fakta yang terlampau banyak antara punca para pelajar merasa pelajaran Sirah membebankan mereka. Akhirnya, para pelajar tidak mendapatkan pengalaman bekerjasama, peningkatan dalam komunikasi antara pelajar dan kemahiran berfikir aras tinggi ketika pembelajaran Sirah di sekolah (Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah 2021).

Disebabkan itu, guru-guru perlu kreatif dan aktif mengikuti perkembangan terkini dalam dunia pendidikan. Antara kaedah yang boleh diguna pakai dalam mengatasi isu dalam pengajaran Sirah adalah kaedah heutagogi. Secara umum heutagogi adalah kaedah pembelajaran sendiri di mana pelajar sendiri menentukan bagaimana cara yang dikehendaki oleh para pelajar dalam sesi pembelajaran. Justeru itu, kertas konsep ini ingin mengupas dan menjelaskan pengaplikasian kaedah heutagogi dalam Pendidikan Sirah di sekolah.

PENYATAAN MASALAH

Isu ketidakberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sirah di sekolah memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik bagi membantu pelajar menguasai sesi pembelajaran sirah. Guru-guru memerlukan pendekatan aktif dan imaginatif yang mampu memberikan keasyikan dan menghasilkan keberkesanan yang positif dalam proses pembelajaran Sirah di sekolah. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik akan memberikan kefahaman kepada pelajar dalam setiap teori yang dipelajari dan memberi kesan minat dan motivasi kepada pelajar serta dapat menjana kemahiran berfikir aras tinggi dalam diri pelajar (Jahidin Saili & Muhammad Suhaimi Taat, 2024). Oleh yang demikian, guru yang mengajar memerlukan gerak tindakan yang berbeza dan idea yang terkini bagi memastikan pembelajaran Sirah didalam kelas tidak bersifat pasif dan guru tersebut juga perlu mencontohi kaedah guru cemerlang mengajar untuk diaplikasikan dalam sesi pengajaran Sirah didalam kelas. Pelaksanaan perkara tersebut banyak memberi kesan positif dalam Pendidikan Sirah di sekolah.

Menurut Hariatul Hafidzah et al, (2021) antara penyebab pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan adalah disebabkan kurang profesionalisme guru, konflik masa, tidak menggunakan bahan bantu mengajar ketika pembelajaran, kekangan kurikulum dan kurangnya latihan guru. Perkara ini bertambah buruk disebabkan pandangan buruk pelajar terhadap pembelajaran Sirah (Fathi & Khadijah 2021). Bagi Muhammad Talhah Ajmain et al, (2024) guru yang diberi mandat dalam pengajaran Sirah sebenarnya diberi tanggungjawab besar dalam menyampaikan kandungan Sirah yang mudah difahami oleh pelajar. Oleh yang demikian, penggunaan kaedah pembelajaran yang pasif seperti syarahan yang berjela akan membuatkan motivasi pelajar tidak dapat ditingkatkan dek kerana bosan. Pelajar-pelajar amat memerlukan satu kaedah pembelajaran yang aktif kerana penggunaan kaedah pembelajaran aktif akan meningkat kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Sirah.

Muhammad Talhah Ajmain et al, (2024) dalam kontek pengajaran Sirah, banyak cabaran yang menjadi halangan bagi pelajar menguasai dengan baik pendidikan Sirah antaranya penguasaan pelajar terhadap asas sirah itu sendiri, kesukaran pelajar untuk memahami matapelajaran Sirah, kekurangan bahan bantu belajar yang spesifik dan interaktif dan pelajar kurang penghayatan terhadap pelajaran Sirah. Rentetan dari itu, pelajar-pelajar akan hilang fokus secara terus dari apa yang diterangkan oleh guru dan akhirnya, sesi pembelajaran yang telah dijalani tidak memberi kesan pengetahuan dalam diri pelajar (Mohd Saifun Aznin et al 2022).

Oleh yang demikian, bagi melepasi kekangan yang terjadi dalam pembelajaran dan pengajaran Sirah memerlukan satu kaedah pembelajaran yang aktif dan bermotivasi. Dengan kaedah heutagogi secara tidak langsung dapat mengeluarkan pelajar dari kaedah pengajaran kuno yang menatijahkan ketepuan dalam sesi pembelajaran yang berlangsung. Dengan indikator yang boleh didapati dalam kaedah heutagogi mampu mengasah daya pemikiran kritis dalam kalangan pelajar ketika pembelajaran sirah didalam kelas.

METODOLOGI


Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Habibah et al, (2020) kajian analisis kandungan ini adalah dengan cara merumuskan atau memperihalkan maklumat yang diperolehi samada dalam dokumen rasmi atau dokumen tidak rasmi. Pengkaji meneliti model yang berkaitan dan mengadaptasikan terhadap fokus tujuan yang ingin pengkaji capai. Sumber-sumber yang digunakan oleh pengkaji untuk menjayakan kajian ini adalah artikel yang mempunyai kaitan dengan fokus kajian pengkaji. Pengkaji juga menggunakan medium carian seperti google scholar dan researchgate bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan heutagogi dalam pendidikan sirah. Objektif kajian ini dilakukan untuk memperkenalkan kaedah heutagogi yang disepadukan didalam pendidikan sirah dan ia merupakan suatu kesepaduan baru yang mampu memberikan anjakan positif dalam dunia pendidikan sirah di sekolah.

CARA PENGAJARAN DAN ELEMEN KAEDAH HEUTAGOGI DALAM PENDIDIKAN SIRAH

Heutagogi merupakan satu kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan ia memerlukan pelajar berdikari dalam melaksanakan proses pembelajaran (Hase & Kenyon, 2013). Pelajar-pelajar diberikan ruang bagi mencapai suatu ilmu berdasarkan pengalaman yang dilalui kerana pengalaman juga mempunyai nilai-nilai penting yang boleh diambil oleh pelajar. Kaedah pembelajaran sebegini sebenarnya ingin mengangkat peranan manusia yang sebenarnya berkemampuan belajar melalui pengalaman. Menurut Sumarsono (2020) melalui penggunaan heutagogi, pelajar-pelajar diberikan peluang menentukan bahan, aktiviti dan isi kandungan dalam proses pembelajaran yang dijalani.

Penggunaan kaedah heutagogi banyak memberi penekanan kepada pelajar untuk mengembangkan autonomi yang perlu ada dalam diri pelajar. Ia menjadikan pelajar terus aktif dalam proses PdP dan pelajar akan menjadi individu yang lebih bertanggungjawab (Blacshke, Hase & Kenyon, 2014). Menurut Stoten (2021) dengan peluang yang diberikan untuk pelajar menguruskan proses pendidikan secara sendiri akan melatih pelajar untuk berkemampuan membuat pertimbangan dalam banyak perkara. Dengan itu, pelajar akan tetap bersemangat dalam menjalani proses PdP yang dihadapi.

Rajah 1: Cara pengajaran heutagogi



Sumber: Hase dan Kenyon (2013)

Rajah 2: Cara pengajaran heutagogi yang disepadukan dengan Pendidikan Sirah




Sumber: Pengkaji

Untuk menyatupadukan cara pengajaran heutagogi yang dinyatakan oleh Hase & Kenyon (2013) dengan Pendidikan Sirah adalah dengan melalui lima cara iaitu yang pertama pelajar perlu menjadi pembina kepada isi kandungan pembelajaran yang ingin dilaksanakan. Dalam hal ini, pelajar dikehendaki mengaturkan setiap isi penting yang dianggap sesuai dan mempunyai keterkaitan dengan Pendidikan Sirah. Yang kedua, dalam menggunakan kaedah heutagogi dalam proses pembelajaran Sirah yang dilaksanakan perlulah kurang pengawasan dari guru. Pengawasan yang kurang ini bermaksud guru hanya menjadi pembimbing atau fasilitator yang hanya akan terlibat ketika mana pelajar itu sendiri meminta pandangan guru ketika kebuntuan. Cara pengajaran ketiga menurut Hase & Kenyon (2013) adalah pelajar perlu aktif dan kolaboratif. Pelaksanaan cara pengajaran heutagogi dalam Pendidikan Sirah memerlukan pelajar bergerak secara aktif mencari maklumat berkaitan Sirah. Pelajar perlu mencari dari sekecil-kecil maklumat berkaitan Sirah untuk dimasukkan dalam isi kandungan pembelajaran Sirah. Kemudian, pelajar perlu aktif menyusun maklumat tersebut supaya mudah difahami dan berkesinambungan. Selain itu, unsur kolaboratif ini penting dalam kaedah ini kerana kolaboratif pelajar dengan pelajar akan menjadikan isi pembelajaran Sirah dapat dikembangkan lagi dan dalam

hal ini juga pelajar harus faham bahawa lain pelajar akan mempunyai lain buah fikiran. Oleh kerana itu, percambahan idea dan isi pembelajaran Sirah dapat diluaskan lagi. Cara pengajaran yang keempat adalah penilaian lebih fleksibel dan boleh dirunding (Hase & Kenyon, 2013). Dalam hal ini, penilaian yang fleksibel dan boleh dirunding akan tidak membebaskan pelajar dalam proses pembelajaran Sirah yang telah dilaksanakan. Kebanyakan pelajar akan menjadi risau dan bimbang ketika mana ada sesi pembelajaran yang dinyatakan penilaian akhirnya bersifat kompleks. Natiujahnya, pelajar tidak dapat belajar dalam situasi yang gembira. Yang terakhir, cara pengajaran heutagogi menggalakkan penerokaan. Dalam cara ini pelajar akan meneroka dan menelusuri pelbagai medium yang mampu berikan pelajar masukan berkait Sirah samada masukan itu berbentuk teknologi terkini atau masukan yang berbentuk tradisional. Dengan kelima-lima cara pengajaran tersebut akan memastikan pelajar sentiasa mempunyai momentum dalam sesi pembelajaran Sirah yang ditempuhi. Secara tidak langsung pembelajaran Sirah berlangsung dalam keadaan aktif dan mengelakkan ketepuan dan kebejatan semasa proses pembelajaran berlangsung.

Menurut Yogianti et al, (2020) di mana dalam kajiannya menekankan peranan guru sebagai pemudah cara atau fasilitator ialah memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pelajar untuk laksanakan dan hanya membetulkan apa yang dikira salah. Menurut Coomey dan Stephenson (2001) kelonggaran yang diberikan kepada pelajar akan memberikan kemahiran pengurusan yang baik kepada pelajar. Dalam kenyataan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), terdapat enam aspek yang perlu ada pada guru yang berperanan sebagai pemudahcaraan dan fasilitator ialah guru sebagai perancang, pengawal, pendorong, pembimbing dan penilai. Dalam kajian Hase dan Kenyon (2007) menyatakan guru pemudahcaraan perlu berkemahiran tinggi untuk memastikan proses bimbingan bukan hanya berlaku pada akhir pembelajaran tetapi ia perlu dilaksanakan di peringkat awal, semasa proses pembelajaran berlangsung dan pada peringkat akhir juga tidak dilupakan. Tambahan dalam kajian Levy-Feldman (2018) menerangkan bahawa setiap guru pemudahcaraan atau fasilitator perlulah ia memiliki kepakaran dalam bidang tersebut supaya bimbingan yang diberikan adalah relevan dan bersesuaian dengan keadaan yang sepatutnya.

Rajah 3: Elemen Heutagogi



Sumber: Blaschke et al, (2016)

Jadual 1: Elemen Heutagogi Yang Disepadukan Dengan Pendidikan Sirah

Meneroka	Para pelajar diberi kebebasan untuk meneroka corak pembelajaran Sirah samada dari sudut gaya, medium dan sumber yang disukai dan dikira oleh pelajar itu sendiri.
Mencipta	Pelajar diberikan kebebasan mencipta bahan bantu belajar yang berkaitan Pendidikan Sirah.
Kolaborasi	Pelajar akan berkolaborasi dengan pelajar lain samada untuk berkongsi maklumat atau berkongsi dari sudut pengolahan idea berkaitan Sirah.
Berkongsi	Pelajar akan berkongsi akan maklumat diperolehi tentang Pendidikan Sirah, bahan berkaitan Sirah yang diciptakan dan membuat rumusan yang diperolehi dimana-mana medium.
Hubungan	Pelajar akan memperolehi motivasi melalui hubung dengan pelajar lain ketika menjalani proses Pendidikan Sirah yang dijalankan.
Refleksi	Pelajar akan melaksanakan penelitian kembali terhadap proses pembelajaran telah berlangsung dan secara tidak langsung membantu meningkatkan aktiviti kognitif tersebut ke tahap yang lebih tinggi.

Sumber: Pengkaji

Menurut Blaschke et al, (2016) heutagogi mempunyai enam elemen penting yang terhasil dari penggunaan kaedah heutagogi. Yang pertama iklim pembelajaran yang bebas meneroka. Ini merupakan suatu pembelajaran yang nonlinear di mana pelajar diberi kebebasan untuk mencari maklumat berkenaan dengan sesi pembelajaran (Norazman Alias et al, 2020). Platform yang sesuai bagi meneroka secara bebas dan meluas adalah internet, pelajar cukup dengan menaip kata kunci perkara ingin dicari kemudian pelajar telah dapat maklumat yang diinginkan. Penggunaan internet menjadi satu perkara yang penting bagi mereka yang suka meneroka (Nurul Aisyah et.al 2019). Elemen yang kedua adalah mencipta sesuatu yang baru. Dengan kemudahan pelajar mengakses maklumat dapat membantu pelajar bagi mendapatkan idea untuk mencipta sesuatu yang baru. Penghasilan ciptaan baru dari pelajar menunjukkan pelajar memahami dengan jelas sesuatu perkara yang diamati berfungsi. Pendedahan penciptaan perkara baru kepada pelajar menjadikan pelajar seorang yang kreatif dan inovatif.

Elemen yang ketiga pada kaedah pembelajaran heutagogi ialah elemen kolaborasi. Pelajar-pelajar amat digalakkan untuk banyak bergerak dalam komuniti kerana banyak idea-idea dari perkongsian sesama komuniti dapat dicetuskan (Nurul Aisyah et al, 2019). Elemen yang keempat ialah perkongsian. Perkongsian maklumat yang dilakukan oleh pelajar akan membantu pelajar untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar (Raja Abdullah dan Daud 2018). Dengan perkongsian pandangan antara pelajar juga membantu belajar untuk berhubungan baik dengan sesama pelajar. Menurut Mimi Mohaffyza et al, (2020) perkongsian idea sesama pelajar menjadi satu peluang kepada pelajar untuk meninjau kelebihan yang ada pada pelajar lain dan mungkin boleh digunapakai pada masa akan datang.

Seterusnya elemen yang kelima iaitu berhubung. Pelajar sentiasa berhubung dalam kalangan pelajar bagi memastikan setiap tugas berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Perhubungan pada masa kini sudah begitu terbuka sehingga individu yang jauh dapat dihubungkan dengan adanya teknologi telefon (Nadia & Jamalul Lail 2017). Pelajar-pelajar yang mengekalkan hubungan baik antara pelajar dapat memudahkan pelajar bagi pelaksanaan tugas atau projek akan datang. Elemen yang terakhir ialah refleksi. Refleksi ialah penilaian yang dibuat sama ada antara pelajar atau guru yang bertindak sebagai pemudah cara. Antara penilaian yang boleh diambil kira adalah dari segi kemahiran dan pengetahuan baru yang diperolehi oleh pelajar

selepas dari sesi pembelajaran yang dijalankan. Setiap maklum balas yang dikemukakan oleh pelajar mempunyai nilai yang boleh dinilai sama ada pelajar bertambah dari sudut pengetahuan atau kemahiran pelajar tersebut (Ruzainim et al.,2022).

FASA PENTING HEUTAGOGI DALAM PENDIDIKAN SIRAH

Bagi memastikan kaedah heutagogi berhasil dalam pembelajaran Sirah di sekolah, guru perlu mematuhi empat fasa penting iaitu perancangan proses pembelajaran, menyediakan jadual pelaksanaan dan penyediaan bahan, melaksana dan memantau kaedah dan menilai dan membuat penilaian. Dengan pematuhan setiap fasa yang dinyatakan ia mampu untuk melahirkan natijah yang positif dalam sesi pembelajaran subjek sirah.

Pada fasa yang pertama, guru membantu pelajar untuk menghasilkan tajuk yang berkaitan Sirah dan yang pasti perlu sesuai untuk sesi pembelajaran subjek Sirah yang akan dilaksanakan. Tajuk yang dihasilkan perlu dihasilkan juga sub topik yang berkaitan tajuk supaya penghuraian tajuk tidak terkeluar dari perbincangan tajuk. Pada peringkat awal ini juga guru-guru perlu terlebih dahulu mengenal pasti tahap pengetahuan tentang Sirah yang sedia ada pada pelajar supaya guru boleh membantu pada bahagian yang tidak dapat dicapai oleh pengetahuan pelajar. Menurut Blacshke dan Hase (2013) dalam proses perancangan tajuk yang ingin dijalan, respons dan tindak balas pelajar perlu dijadikan panduan untuk memastikan proses pembelajaran betul-betul berpusatkan pelajar. Menurut Mohd Afifi et al, (2011) dengan kemahiran yang ada pada pelajar akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang berpusat kepada pelajar bertambah seronok dan menarik.

Selepas dari pembinaan tajuk kepada isi pembelajaran Sirah dibina, langkah seterusnya adalah pembentukan kumpulan. Ia perlu kerana kaedah heutagogi menekankan elemen kolaborasi. Dengan pembentukan kumpulan maka terlaksana satu lagi elemen yang ada pada kaedah heutagogi. Pembentukan kumpulan ini bermula dengan pelantikan ketua kumpulan dan diberi peluang kepada ketua kumpulan untuk mencari ahli kumpulan. Dengan cara ini ketua kumpulan akan mendapat pengalaman bagaimana untuk mencari ahli kumpulan yang mampu berfungsi untuk melaksanakan tugas dalam sesi pembelajaran selepas daripada ini (Noor Muslieah Mustapha Kamal et al, 2022).

Fasa kedua ialah fasa di mana pembuatan jadual dan penyediaan bahan berkaitan mata pelajaran Sirah yang akan digunakan dalam sesi pembelajaran. Jadual yang dibuat ini penting untuk memastikan segala tindakan pelajar mengikut tahap dan proses yang sepatutnya. Jika pelajar tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan memungkinkan proses pembelajaran Sirah yang dirancang tidak mencapai matlamat yang diinginkan. Penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tajuk pembelajaran Sirah perlu disediakan terlebih awal bagi memastikan proses pembelajaran Sirah tidak tergendala dan boleh berjalan lancar mengikut perancangan yang telah dirancang.

Pada peringkat penyediaan bahan bantu mengajar untuk pembelajaran Sirah, perlulah mematuhi beberapa aturan antaranya bahan bantu mengajar tersebut mestilah berkaitan sirah dan bahan bantu mengajar tersebut betul-betul berkemampuan mencapai matlamat yang ingin dicapai dalam sesi pembelajaran. Ketika mana pelajar dalam perbincangan berkenaan penyediaan bahan yang sesuai, sebenarnya memberi satu kelebihan kepada pelajar iaitu ia mampu mengasah kemahiran berfikir aras tinggi dalam pelajar tersebut. Menurut Eberly (2009) perbincangan yang

dilakukan oleh pelajar akan membantu pelajar menjadi lebih berani menyuarakan pandangan setiap perkongsian pemikiran berlaku. Perkara ini juga disokong oleh Noor Muslieah et al (2022) di mana pelajar akan dapat menambahkan lagi pengetahuan dari apa sudah ada pada pelajar tersebut. Siti Nur Kamariah (2016) juga menyatakan perbincangan berkumpulan berjaya menjadikan pelajar lebih berani untuk menyampaikan pendapat yang dikira sesuai untuk digunapakai dalam setiap projek yang dijalankan.

Kemudian dalam fasa ketiga iaitu fasa pelaksanaan dan pemantauan semasa ke semasa dalam sesi pembelajaran Sirah yang dijalankan merupakan fasa penting bagi mengelakkan ketirisan terhadap perancangan pembelajaran yang telah dirancang. Pada peringkat ini antara perkara yang ingin dilihat ialah samada guru betul-betul bertindak sebagai pemudahcara atau masih lagi tidak mencapai peranan yang harus dipegang. Apabila peranan yang dijalankan oleh guru dilaksanakan sebaik mungkin ia akan menjadi nilai tambah yang amat berguna untuk menyempurnakan lagi setiap langkah yang diambil oleh para pelajar. Pada ketika ini menurut Wale dan Bishaw (2020) guru-guru yang menjadi pemudahcara dan perancangan dalam pembelajaran akan menjadi pelajar seorang penyiasat penyoyal dan peneroka yang mampu mempelajari sesuatu daripada alam sekitar.

Pada fasa keempat, perkara yang dilakukan adalah refleksi terhadap sesi pembelajaran Sirah yang telah berlangsung. Pada tahap ini pelajar boleh memberi penilaian terhadap sesama pelajar. Antara perkara yang paling penting dinilai dalam sesi pembelajaran Sirah yang dilaksanakan adalah pematuhan pelajar terhadap senarai semak yang telah disediakan samada berjaya disempurnakan ataupun tidak. Refleksi atau penilaian ini perlulah dilaksanakan oleh guru berpengalaman dalam pengajaran Sirah. Perkara ini disokong dalam kenyataan Stephane Colognesi et al, (2020), penilaian boleh dilakukan oleh rakan sebaya dan penilai dan orang yang dinilai akan sama-sama belajar antara satu sama lain. Menurut Noor Muslieah et al, (2022) individu yang menjadi penilai sama ada guru atau pelajar hendaklah menilai berdasarkan kreativiti yang ada pada hasil kerja atau isi kandungan sesi pembelajaran yang telah dilaksanakan sama ada telah mencapai matlamat ataupun tidak.

KESIMPULAN

Pendidikan Sirah merupakan solusi bagi masalah kebejatan sosial pelajar pada hari ini. Melihat keadaan pelajar yang bosan, tepu dan kurang berminat dengan Pendidikan Sirah menjadi satu kebimbangan semua pihak. Melalui kaedah heutagogi yang diketengahkan ini menjadi kaedah yang mampu memberi momentum dan cetusan baru bagi mengembalikan suasana pembelajaran Sirah menjadi pembelajaran kegemaran pelajar-pelajar. Dengan elemen yang didapati dalam kaedah heutagogi seperti meneroka, mencipta, kolaborasi, hubungan, berkongsi dan refleksi sudah menggambarkan bahawa penggunaan kaedah ini dapat memangkin semangat cinta ilmu dalam diri pelajar. Dengan struktur yang kukuh dari kaedah heutagogi yang disepadukan dalam Pendidikan Sirah akan menatijahkan pembelajaran Sirah sebagai pembelajaran yang berada pada tahap berbeza dan tinggi pada pandangan pelajar-pelajar.

RUJUKAN

Blaschke, L. M., Kenyon, C. & Hase, S. (2014). *Experiences in Self-Determined Learning*.
<https://www.researchgate.net/publication/268684257>

- Blaschke, L. M., Kenyon, C. & Hase, S.2016. *Heutagogy: A Holistic Framework for Creating Twenty – First – Century Self – determined Learners*. <https://www.researchgate.net/publication/320696438>
- Coomey, M & Stephenson, J.2001. *It's All About Dialogue, Involvement, Support and Control Teaching and Learning Online*. <https://www.researchgate.net/publication/239587885>
- Eberly, J. 2009 *Heutagogy: What Your Mother Didn't Tell You About Pedagogy and The Conceptual Age*. In Proceedings from the 8th Annual European Conference On E-Learning, October 29-30. Bari Italy.
- Fathi Abdullah & Khadijah Abdul Razak. 2021. Tahap Minat dan Penerimaan Pelajar Terhadap Gamifikasi dalam Bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 27-38.
- Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman & Muhammad Azhar Zailani. 2021. Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Arab Berasaskan Keperluan Pembelajaran Murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41–57.
- Hase, S. & Kenyon, C. 2007. Heutagogy: A Child of Complexity Theory. *Complicity: An International Journal of Complexity and Education*. 4(1).
- Hase, S., & Kenyon, C. 2013. *The Nature of Learning. Self-Determined Learning: Heutagogy in Action*. Bloomsbury Academic, London.19-35.
- Habibah@Artinie Ramlie, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, Saifuazry Mokhtar. 2020. Analisis Kandungan Kemahiran Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Prasekolah di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education & Literature, Jilid 11 No.1, 2020 / ISSN 1823-6812 (46-67)*.
- Jahidin Saili & Muhammad Suhaimi Taat. 2024. Pengaruh Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) Terhadap Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Bidang Sirah Dan Tamadun Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 5 No.1*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Levy-Feldman, I. 2018. The Good Teacher for The Twenty-First Century: A “mentoring teacher” with heutagogical skills. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 7(2), 177- 190.
- Mimi Mohaffyza Mohamad, Alias Masek, Jailani Md Yunos, Maizam Alias, Nor Hidayah Hamdan & Andika Bagus Nur Rahma Putra. 2020. Assessing Heutagogical Elements in Learning of Engineering Education: Instrument Validation, *Advances in Science. Technology and Engineering Systems Journal Vol. 5, No. 5, 245-252*.
- Muhammad Talhah Ajmain, Muhammad Faris Faisal Ahmad Raddi & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. 2024. Cabaran Pengajaran Bidang Sirah Bagi Guru Pelatih Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Education and Society.e-ISSN: 2682-8138 / Vol. 6, 528-535, 2024*.
- Mohd Afifi Bahuruddin Setambah, Nor Ain Mohd Tajuddin, Mazlini Adnan. 2011. Basics Statistics Critical Thinking Test: Reliability and Validity Issues. *Jurnal Didaktik Matematika*. (p), 2548-8546(e).
- Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli. 2022. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) Bidang Jawi Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education. 2(1): 56-72*.

- Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif, Mohd Fadzil Kamarudin, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Mior Muhammad Saiful Nizan Mohd Saali, Muhammad Zaim Esrati & Mohd Nor Latif. 2022. Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Sirah Melalui Permainan dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas. *International Journal Maqasid Studies & Advanced Islamic Research*. Vol. 3, No. 2, pp. 49-62.
- Nadia Abdul Hamid & Jamalul Lail Abdul Wahab. 2017. Aplikasi Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (Frog VLE) Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Luar Bandar. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).
- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman, Salbiah Mohamed Salleh, Norhana. 2022. Teknik PBL Dalam pengajaran Pendidikan Islam Ke Arah Memperkasakan Pendekatan Heutagogi. *International Journal of Education and Pedagogy*. Vol 4 No 3 (2022).
- Norazman Alias, Anuar Hasin & Zainora Daud. 2020. Covid-19: *Isu dan solusi pelaksanaan PDP dalam talian bagi kursus Hifz Al-Quran Iv Di USIM*. E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020) (pp.275-290).
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. 2021. Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-2. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 4 (1), 40-54.
- Nurul Aisyah Kamrozzaman, Jamaludin Badusah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2019. *Pendekatan Heutagogi: Keberkesanan M-Pembelajaran untuk Pendidikan Sepanjang Hayat*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. 2018. Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajianagamainstitut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*. 1, Issue1(2018), PP 45-65.
- Rashidah Othman & Shamsiah Arshad. 2024. Kit M2 : Pembangunan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Sirah Di SK Morak Tumpat, Kelantan. *International Journal of Education Research on Andragogy and Pedagogy*, 2(1), 125 To 139.
- Ruzainim Mohd Zelan, Norhapizah Mohd Borhan, Ainun Izzati Masriman, Tijan Abdul Rahim.2022. Konsep Adab Melalui Strategi Pembelajaran Heutagogi Dan Mediamorphosis Di Institusi Pengajian Tinggi. *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Special Issue ADAB (Bahasa Melayu)*. 25(02).
- Stoten, D. W. 2021. Building adaptive management capability: The contribution of heutagogy to management development in turbulent times. *Journal of Management Development*. <https://doi.org/10.1108/JMD-10-2019-0448>.
- Sumarsono. 2020. The Paradigms of Heutagogy and Cybergogy in the transdisciplinary perspective. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran*, 52(3), 172-182.
- Siti Nur Kamariah. 2016. *Pembangunan Dan Keberkesanan Modul Perencanaan Berstruktur Dalam Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pengetahuan Dan Kemahiran Bagi Projek Mesin larik Pelajar Politeknik*. Disertasi. UTHM.
- Stephane Colognesi, Piret Clemence, Simon Demorsy, Elise Barbier. 2020. Teaching Writing-With Or Without Metacognition?: An Exploratory Study Of 11-to 12- Year-Old Student Writing A Book Review. *International Journal of Elementary Education*. 12(5):459-470.
- Wale, B. D & Bishaw, K. S. 2020. Effects of Using Inquiry – Based Learning on EFL Student Critical Thinking Skill. *Asian – Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 5(1),1-14.
- Yogianti Dwi Rahayu Wismaningrum, Harun Jojo Prayitno & Eko Supriyanto. 2020. *Heutagogy approach: The Implementation of New Normal Era Learning*. The 5th Progressive and Fun Education International Conference (PFEIC 2020).